

04 MAR 1997

MT UMNO UCAP TAKZIAH KEPADA KELUARGA TAN SRI YAHAYA AHMAD

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno, yang bermesyuarat malam ini, mengucapkan takziah kepada keluarga Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan DRB-Hicom, Tan Sri Yahaya Ahmad, yang terkorban dalam nahas helikopter dekat Kuala Lipis, Pahang, semalam.

Yang turut terkorban ialah isteri Yahaya, Puan Sri Rahana Othman dan Mej Azlizan Abdul Manas, juruterbang helikopter Augusta-109 milik Gadek Aviation Helicopter Sdn Bhd, satu daripada syarikat milik Yahaya.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Majlis Tertinggi juga merakamkan penghargaan kepada keluarga allahyarham atas sumbangan dan baktinya kepada parti.

Beliau berkata demikian pada persidangan media setelah mempengerusikan mesyuarat itu di menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Hadir sama ialah Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan ketiga-tiga naib presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Jenazah Yahaya dan Rahana dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Marang, Terengganu pukul 7.35 malam manakala jenazah Azlizan selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bagan, Mukim Dua Batu Pahat, pada 6 petang tadi.

--BERNAMA

ARA NAK